

**MSWG**

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

27.10.2017

## SUARA MSWG

### (JANGAN LUPA ACARA KAMI - TANDAKAN KALENDAR ANDA!)

Seperti yang dijangkakan, Bajet 2018 memenuhi jangkaan sebahagian besar penduduk dengan memberikan perhatian kepada aspek utama seperti kenaikan kos sara hidup, pemilikan rumah dan peluang perniagaan.

Pelbagai faedah khusus ditawarkan seperti pemotongan cukai pendapatan peribadi untuk golongan berpendapatan sederhana, pembayaran BR1M yang diteruskan, wang tunai dan pencen minimum untuk penjawat awam, bantuan persekolahan, skim perumahan mampu milik, dana dan bantuan untuk pelbagai kaum, sektor luar bandar, petani dan peneroka Felda serta peruntukan untuk Sabah dan Sarawak.

Langkah-langkah ini tidak mengejutkan memandangkan tahun ini tahun pilihan raya.

#### **PENYATUAN FISKAL**

Menurut pakar ekonomi, penyatuan fiskal Malaysia terus meningkat dengan sasaran KDNK 2018 dipotong daripada 3.0% pada tahun 2017 kepada 2.8%, jauh lebih baik daripada defisit 6.7% yang dicatatkan pada 2009.

Hakikatnya, 2018 menjadi tahun kesembilan penyatuan fiskal untuk kerajaan dan ini adalah suatu garisan trend yang wajar dipuji. Walau bagaimanapun, perbelanjaan masih mengatasi pembangunan dengan margin yang luas (RM234 bilion atau 83.6% daripada jumlah keseluruhan) dan ini agak mendukacitakan. Pembangunan pula dihadkan pada RM46 bilion, sama seperti tahun sebelumnya.

Kami juga mendapati pada 2008, perbelanjaan merangkumi 78.2% daripada jumlah yang dibajetkan iaitu RM280 bilion, suatu nisbah yang terus meningkat sehingga 83.6% pada 2018. Oleh kerana kerajaan komited untuk mengekalkan tenaga kerja perkhidmatan awam pada 1.6 juta orang (kira-kira 11% daripada jumlah tenaga pekerja), angka ini dijangka tidak akan menyusut pada tahun-tahun akan datang.

Hanya tinggal tiga tahun untuk mencapai sasaran kesetaraan fiskal kerajaan sebelum 2020 namun kita masih ragu-ragu sama ada sasaran ini dapat dipenuhi, terutama apabila perbelanjaan terus meningkat dengan cara yang sama seperti sebelum ini. Bagaimanakah rekod pada tahun-tahun lalu dan adakah sasaran sebanyak 3% akan dicapai untuk 2017?

Walau bagaimanapun, kami (dan rakyat Malaysia amnya) mengambil maklum dan memberikan perhatian sepenuhnya terhadap usaha kerajaan untuk merasionalisasi sektor awam dengan meminimumkan pertindihan fungsi dan peranan antara agensi, sambil meneruskan program berimpak tinggi pada kos yang lebih rendah. Produktiviti dan kecekapan juga adalah aspek penting yang perlu ditangani dengan serius.

## **HUTANG KERAJAAN**

Melihat dari sudut pandang penghematan makro, tahap hutang kerajaan yang berjumlah kira-kira RM685 bilion atau 50.9% daripada KDNK pada Jun 2017, mendatangkan perasaan bercampur baur.

Jumlah ini berada di bawah tahap 55% daripada KDNK iaitu yang ditetapkan sendiri oleh kerajaan. Namun pengurangan itu bukan disebabkan oleh pemotongan tetapi dengan hanya memindahkan hutang berjumlah RM49 bilion kepada badan berkanun (sebahagian besarnya bagi pembiayaan perumahan awam dan pinjaman pendidikan tinggi).

Sebaliknya, pinjaman ini dimasukkan di bawah liabiliti luar jangka yang dijamin oleh kerajaan, yang tidak termasuk dalam hutang kerajaan secara langsung.

Justeru, pada Jun 2017, liabiliti luar jangka yang dijamin oleh kerajaan kini berjumlah RM219.4 bilion, atau 16.3% daripada KDNK.

Secara keseluruhannya, hutang langsung dan luar jangka berjumlah hampir satu trilion ringgit (kira-kira RM904 bilion), atau 67.2% daripada KDNK, jauh melepasi had yang ditetapkan.

Sedikit kelegaian ialah hampir kesemua hutang (sekitar 97%) adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia dan selebihnya terdiri daripada Yen Jepun dan Dolar AS.

## **TN50**

TN50 atau Transformasi Nasional 2050 diperkenalkan pada 2016 sebagai peta laluan negara untuk memasuki senarai 20 negara teratas dari segi pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi menjelang 2050.

Teras utama matlamat itu datang daripada pembangunan infrastruktur.

Projek-projek Mega seperti Link Keretapi Pantai Timur (ECRL), Lebuhraya Pan Borneo, Kereta Api Berkelajuan Tinggi KL - Singapura (HSR) merupakan sebahagian daripada perancangan bercita-cita tinggi ini selain projek lain seperti peningkatan rangkaian jalur lebar, pelabuhan, laluan keretapi dan lapangan terbang.

Kerajaan juga berminat untuk menarik pelaburan kepada bidang pertumbuhan baharu seperti ekonomi digital, industri halal dan pelancongan perubatan; kesemuanya tonggak sektor perkhidmatan berpertumbuhan tinggi selain industri pelancongan, logistik, modal teroka, minyak dan gas, aeroangkasa, rel dan robotik.

Memandangkan negara memasuki fasa pertumbuhan seterusnya, perbelanjaan kerajaan perlu dilakukan secara berhemat dan bebas daripada ketirisan. Pelaburan asing pula dihadkan kepada terma yang menguntungkan negara.

Syukurlah, Bajet 2018 dibuat berlatarbelakangkan ekonomi tempatan dan global yang semakin meningkat.

Justeru, kerajaan telah menaikkan unjuran pertumbuhannya kepada antara 5.2% dan 5.7% untuk keseluruhan 2017 (berbanding 4.3% hingga 4.8% sebelum ini), manakala pertumbuhan diramalkan antara 5.0% - 5.5% pada 2018.

### **AGM DAN TUGAS PENGARAH**

Baru-baru ini kami menghadiri AGM sebuah syarikat bermodal kecil. Kami terkejut dan kecewa apabila mendapati empat daripada sembilan pengarah - termasuk Pengarah Urusan - tidak hadir dalam mesyuarat itu.

Sebaliknya, AGM itu dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Kanan dan pertanyaan kami tentang sebab ketidakhadiran dijawab dengan alasan yang tidak meyakinkan.

Situasi sebegini terutama sehingga tahap ini, walaupun jarang berlaku, tidak sepatutnya terjadi sama sekali.

Mesyuarat tahunan pemegang saham adalah suatu acara dalam tahun kewangan yang mana para pemegang saham diberi peluang untuk mengajukan soalan kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan mengenai prestasi syarikat selain meneliti perancangan syarikat untuk tahun akan datang.

Kami tidak dapat menerima ketiadaan pengarah urusan dan hampir separuh lembaga pengarah pada acara paling penting dalam kalendar pemegang saham ini.

Dalam situasi ini, kami juga mendapati separuh daripada lembaga pengarah syarikat yang tidak hadir terdiri daripada ahli keluarga, termasuk saudara lelaki, anak saudara lelaki dan anak lelaki Pengarah Urusan.

Melihat dari sudut kepentingan tadbir urus korporat, syarikat ini amat perlu memperbaiki pendekatan dan sikapnya terhadap para pemegang saham, bursa saham dan pengawal selia jika ingin mengelakkan kecaman yang lebih hebat pada masa akan datang.

### **PASUKAN MSWG**

29 Oktober 2017

---

### **MSWG DALAM BERITA**

#### **MSWG 'NOT CONVINCED' BY XINGHE'S JUSTIFICATION FOR PRIVATE PLACEMENT BID**

<http://www.theedgemarkets.com/article/mswg-not-convicted-xinghes-justification-private-placement-bid>

---

### **PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA**

#### **LION DIVERSIFIED HOLDINGS BERHAD ("LDHB")**

Lembaga Pengarah LDHB mengumumkan Tetuan Ernst & Young, Juruaudit Luar Syarikat, telah menyatakan pendapat penafian dalam Laporan Juruaudit Bebas ("Laporan EY") dalam Penyata

Kewangan Syarikat yang Diaudit untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017. Salah satu alasan utama pendapat penafian ini adalah keraguan dalam keupayaan LDHB dan kumpulannya sebagai usaha berterusan.

Syarikat kini sedang mengkaji untuk merumuskan perancangan bagi menstabilkan keadaan kewangannya dan seterusnya akan membuat pengumuman yang diperlukan mengikut syarat-syarat di bawah PN17.

*[Sumber: Pengumuman LDHB di laman web Bursa Malaysia pada 24 Oktober 2017]*

#### **KOMEN MSWG:**

Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab terhadap pendapat penafian yang dibuat oleh Juruaudit Luar Syarikat. Jelas sekali, Lembaga telah gagal menangani beberapa isu yang diketengahkan oleh Juruaudit yang mendatangkan keraguan terhadap keupayaan LHDB dan kumpulannya untuk meneruskan sebagai usaha berterusan.

Oleh kerana diklasifikasikan sebagai penerbit PN17, Syarikat perlu melaksanakan penyelesaian praktikal bagi mengurus situasi kewangannya.

#### **KINSTEEL BERHAD (“KINSTEEL”)**

Lembaga Pengarah Kinsteel mengumumkan Bursa Malaysia melalui surat bertarikh 19 Oktober 2017 memaklumkan kepada syarikat bahawa Bursa telah memutuskan untuk menolak Permohonan Syarikat untuk menangguhkan pengeluaran Laporan Tahunan 2017 sebelum 31 Oktober 2017 seperti yang dikehendaki di bawah Perenggan 9.23 (1) MMLR (“Tempoh Masa Yang Berkaitan”) kepada 30 November 2017.

Lembaga Pengarah syarikat seterusnya mengumumkan yang mereka telah mengemukakan permohonan pada 23 Oktober 2017 untuk melanjutkan tempoh penyerahan pelan pelaziman kepada pihak berkuasa kepada 30 April 2018. Bursa Malaysia melalui suratnya bertarikh 25 Oktober 2017 memaklumkan penangguhan penggantungan perdagangan sekuriti syarikat dan penyenaian semula syarikat itu sementara menunggu keputusan permohonan berkenaan.

*[Sumber: Pengumuman Kinsteel di laman web Bursa Malaysia pada 19, 23 & 25 Oktober 2017]*

#### **KOMEN MSWG:**

Lembaga Pengarah perlu berusaha sedaya upaya dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengeluarkan Laporan Tahunan Syarikat 2017 sebelum tamat Tempoh Masa Yang Berkaitan, bagi mengelakkan penggantungan perdagangan saham biasa Syarikat serta prosedur nyahsenarai.

---

#### **TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 30 OKTOBER HINGGA 3 NOVEMBER 2017**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
30.10.17 (Isnin) 10.00 pagi	IOI Corporation Bhd (AGM)	Putrajaya Marriott Hotel, IOI Resort City, Sepang Utara
31.10.17 (Selasa) 10.00 pagi	C.I. Holdings Bhd (AGM)	InterContinental Kuala Lumpur, 165, Jalan Ampang, KL
01.11.17 (Rabu) 10.00 pagi	Berjaya Assets Bhd (EGM)	Berjaya Times Square Hotel, KL
02.11.17 (Khamis) 10.00 pagi	UEM Edgenta Bhd (EGM)	Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, NKVE, PJ
02.11.17 (Khamis) 02.30 petang	Dutaland Bhd (AGM)	Hotel Istana Kuala Lumpur
02.11.17 (Khamis) 02.30 petang	Amalgamated Industrial Steel Bhd (EGM)	Boardroom, No. 24-7, Level 7, Subang Business Centre, Subang Jaya

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
IOI Corporation Bhd (AGM)	Pembuatan berasaskan Sumber mencatatkan pendapatan berjumlah RM13.8 bilion dan keuntungan operasi sebanyak RM292 juta dalam TK2017.  Berapakah sumbangan pendapatan dan keuntungan operasi daripada sub-segmen Penapisan, Oleokimia serta Lemak dan Minyak Khusus?
C.I. Holdings Bhd (AGM)	Apakah langkah yang diambil untuk memperbaiki margin keuntungan Syarikat yang merosot sejak lima (5) tahun kewangan sebelum ini?
UEM Edgenta Bhd (EGM)	Pekeliling menyatakan Pemberi Tawaran mengandaikan tiada liabiliti akan timbul daripada Cadangan Pelupusan, termasuk liabiliti dan jaminan luar jangka. Liabiliti Kumpulan OIC akan disatukan dalam buku WSP Global selepas selesai Cadangan Pelupusan.  Bolehkah Lembaga jelaskan kenyataan ini memandangkan kontrak perniagaan Kumpulan OIC sudah diumumkan kepada NZX?
Dutaland Bhd (AGM)	Kami mendapati pengeluaran buah segar bertandan (FFB) telah menurun sejak tiga tahun lepas. Sebelum ini syarikat ada menyatakan pengeluaran FFB dijangka lebih tinggi pada TK2017 dengan penglibatan perunding luar untuk mengkaji semula dan menambah baik pengurusan ladang.  Apakah faktor yang menyebabkan kemerosotan pengeluaran FFB dalam TK2017 dan bukannya meningkat seperti yang diharapkan?
Amalgamated Industrial Steel Bhd (EGM)	Apakah potensi pertumbuhan pendapatan Amalgamated Industrial Steel Berhad dalam tempoh beberapa tahun akan datang dengan kemasukan Parkwood Sdn. Bhd?

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat [elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my)  
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
- 

#### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [corporateservices@mswg.org.my](mailto:corporateservices@mswg.org.my).

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*